UMT PRESS

Universiti Malaysia Terengganu Journal of Undergraduate Research
Journal Homepage: https://journal.umt.edu.my/index.php/umtjur/
eISSN: 2637-1138
DOI: http://doi.org/10.46754/umtjur.2026.10.006

FAKTOR, IMPLIKASI, DAN STRATEGI DALAM MENANGANI PENGANGGURAN BELIA LUAR BANDAR DI GUNONG, BACHOK, KELANTAN

FACTORS, IMPLICATIONS, AND STRATEGIES IN ADDRESSING RURAL YOUTH UNEMPLOYMENT IN GUNONG, BACHOK, KELANTAN

NUR NABILAH SAUFE*, RAHAYA MD. JAMIN DAN NORHAYATI SA'AT

Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

**Corresponding author: S66581@ocean.umt.edu.my*

ARTICLE INFO

Article History:
Received: 6 July 2025
Revised: 24 September 2025
Accepted: 16 April 2026
Published: 15 October 2026

Keywords:
Pengangguran, belia, luar bandar, ekonomi, strategi kerajaan

ABSTRACT

Pengangguran belia telah menjadi isu yang mendapat perhatian memandangkan impaknya terhadap produktiviti negara menurun, khususnya di Gunong, Bachok, Kelantan. Kawasan ini merupakan kawasan luar bandar kurang membangun dan mempunyai peluang pekerjaan yang terhad, antara lain disebabkan oleh faktor penggunaan tanah. Oleh itu, objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji faktor-faktor yang menyumbang kepada pengangguran belia, kesannya terhadap aspek sosioekonomi dan psikologi serta strategi kerajaan dalam menangani isu tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes melalui kaedah temu bual mendalam. Seramai lima orang informan daripada agensi sebagai informan utama dan empat orang informan komuniti yang terdiri daripada penganggur belia berumur antara 18 hingga 30 tahun di Gunong telah terlibat dalam kajian ini. Data yang dikumpul dianalisis menggunakan analisis tematik bagi memahami makna yang terkandung dalam data. Seterusnya, kesahan data diperkukuh melalui kaedah triangulasi. Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor yang paling dominan dalam menyumbang kepada pengangguran belia ialah kekurangan prasarana dan infrastruktur. Dari aspek sosioekonomi pula, pengangguran memberikan impak yang besar terhadap belia di kawasan luar bandar. Dari segi implikasi, kajian ini dapat memperkaya literatur berkaitan dengan pembangunan belia luar bandar serta menyumbang kepada penambahbaikan aspek teoritikal berdasarkan hasil dapatan kajian. Oleh sebab itu, kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pembentukan cadangan strategi kerajaan, sama ada dalam jangka pendek mahupun jangka panjang bagi meningkatkan pemerkasaan belia negara pada masa hadapan.

UNCORRECTED PROOF

Youth unemployment has become a growing concern due to its potential impact on national productivity, particularly in Gunong, Bachok, Kelantan, a relatively underdeveloped rural area with limited employment opportunities due to land-use constraints. Thus, the main objective of this study is to examine the contributing factors to youth unemployment, its impact on socio-economic and psychological aspects, and the government's strategies in addressing this issue. This study adopts a qualitative method using a case study design and in-depth interview involving five informants from agencies (main informants) and four community informants, comprising unemployment youths aged 18 to 30 in Gunong. The data collected will be analysed using thematic analysis to identify and verified emerging meanings, with the findings validated through triangulation method. The findings indicate that the most dominant factor is the inadequate infrastructure and facilities, while the socioeconomic impact have significant implications for rural youth. The study contributes to the existing literature on rural youth development and provides opportunities for further theoretical refinement based on the findings. Therefore, this study can contribute to recommendations for short-term and long-term government strategies to enhance youth empowerment in the country.

© UMT Press

UNCORRECTED PROOF

Pengenalan

Dasawarsa ini, pengangguran belia di luar bandar merupakan satu isu yang membimbangkan dan perlu diberikan perhatian oleh semua pihak di negara ini. Menurut Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan, iaitu Dato Sri Abdul Karim Rahman Hamzah (2022), golongan belia merupakan aset penting dalam pembangunan negara. Oleh itu, golongan belia perlu diberikan perhatian agar tidak ketinggalan dalam arus pembangunan negara (Utusan Borneo Online, 2022). Pada suku tahun 2023, kadar pengangguran belia berada pada tahap yang tinggi, iaitu 10.1% (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023). Kadar pengangguran belia yang tinggi bukan sahaja memberikan impak kepada individu, malah turut memberikan kesan terhadap masyarakat dan ekonomi negara. Keadaan ini lebih ketara dalam kalangan belia luar bandar yang menghadapi cabaran untuk mendapatkan peluang pekerjaan yang berkualiti berbanding dengan belia di kawasan bandar (Chelshi & Pushpa, 2023). Hal ini demikian kerana peluang pekerjaan di kawasan bandar adalah lebih banyak berbanding dengan kawasan luar bandar.

Pengangguran belia merujuk situasi individu berusia antara 15 hingga 30 tahun yang tidak mempunyai pekerjaan dan sedang mencari pekerjaan (Kementerian Ekonomi, 2024). Isu pengangguran belia telah menjadi perhatian disebabkan oleh impaknya terhadap aspek ekonomi dan sosial, khususnya apabila keadaan ini boleh menjejaskan produktiviti negara serta menyebabkan tenaga buruh yang berpotensi tidak dimanfaatkan sepenuhnya. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (2024), kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 24 tahun kekal pada

10.5% dengan jumlah penganggur sebanyak 304.5 ribu orang. Sementara itu, kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 30 tahun juga kekal pada paras 6.5%, dengan jumlah penganggur sebanyak 433.1 ribu orang. Bilangan penganggur bagi kedua-dua kumpulan pada bulan Julai menunjukkan sedikit penurunan berbanding dengan bulan Jun 2024. Keadaan ini menunjukkan bahawa isu pengangguran belia, khususnya di kawasan luar bandar ini perlu dipandang serius.

Berdasarkan laporan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia 2023, kadar pengangguran belia adalah sekitar 10.6% hingga 10.8%, iaitu lebih tinggi berbanding dengan kadar pengangguran keseluruhan negara (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023). Sementara itu, kadar pengangguran belia luar bandar secara keseluruhan di Malaysia dilaporkan sekitar 33%. iaitu jauh lebih tinggi berbanding dengan kadar pengangguran belia di kawasan bandar yang lebih rendah, iaitu 22.6% (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023). Dari segi negeri pula, Kelantan mencatatkan peratusan pengangguran tertinggi di Malaysia pada tahun 2023. Menurut Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) Kelantan, Nora Yaacob, data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan bahawa kadar pengangguran keseluruhan di negeri Kelantan lebih tinggi, iaitu sebanyak 4.1% berbanding dengan kadar pengangguran negara Malaysia sebanyak 3.6%. Kebanyakan rakyat di negeri ini bekerja sendiri dan berada dalam sektor tidak formal serta tidak mahu keluar dari negeri asal untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih formal (Razali, 2023).

Menurut Kementerian Ekonomi (2024), purata pendapatan isi rumah di Kelantan adalah sebanyak RM4,885.00 berbanding dengan purata pendapatan isi rumah Malaysia secara keseluruhan, iaitu RM8,479.00. Ketidakseimbangan ini menunjukkan bahawa pembangunan ekonomi di negeri Kelantan masih belum seimbang dan keadaan tersebut menyebabkan penduduk menghadapi kesukaran untuk mendapatkan peluang pekerjaan yang mencukupi. Bukan itu sahaja, kekurangan pembangunan industri dan sektor pekerjaan yang berkembang pesat menyebabkan ramai belia di Kelantan terpaksa berhijrah ke negeri lain untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih baik. Walau bagaimanapun, masih terdapat golongan belia yang enggan keluar dari negeri tersebut untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih profesional. Malah, keadaan ini menyebabkan sebahagian daripada mereka memilih untuk menganggur (Razali, 2023). Selain itu, antara faktor lain yang menyumbang kepada kekurangan peluang pekerjaan di Kelantan ialah struktur ekonomi yang masih bergantung pada sektor pertanian.

Keadaan tersebut dapat dikaitkan dengan isu pengangguran belia luar bandar di Gunong, Bachok, Kelantan. Hal ini demikian kerana kawasan tersebut merupakan kawasan luar bandar yang menghadapi cabaran dalam penyediaan infrastruktur dan peluang pekerjaan disebabkan oleh faktor guna tanah, khususnya sebagai kawasan pertanian dan jelapang padi. Kekurangan pembangunan infrastruktur seperti jalan raya dan kemudahan pengangkutan telah menyukarkan belia untuk mengakses peluang pekerjaan yang lebih baik di kawasan luar bandar (PLAN Malaysia@Kelantan, 2022). Keadaan ini sekali gus mengurangkan peluang belia untuk menyertai tenaga kerja yang produktif di kawasan luar bandar. Akibatnya, mereka terpaksa menerima pekerjaan yang tidak selaras dengan potensi dan kelayakan mereka, sekali gus menghalang pertumbuhan serta pembangunan ekonomi yang lebih menyeluruh di negeri Kelantan.

UNCORRECTED PROOF

Permasalahan Kajian

Pengangguran belia luar bandar di negeri Kelantan agak membimbangkan. Berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (2021), kadar pengangguran di daerah pentadbiran Bachok, Kelantan pada tahun 2020 dan 2021 adalah 3.8%. Hal ini menunjukkan bahawa kadar pengangguran di daerah Bachok hampir mencapai tahap tertinggi, iaitu 4.0% pada tahun tersebut. Kadar pengangguran pada tahap sederhana ini menunjukkan bahawa daerah Bachok masih berada pada tahap guna tenaga penuh, namun masih menghadapi cabaran tersendiri dalam menangani isu pengangguran. Selain itu, impak pengangguran terhadap masalah psikologi dan psikososial dalam kalangan belia turut berada pada tahap yang membimbangkan (Sarifuddin & Mahmud, 2022). Kawasan Gunong, Bachok dipilih sebagai kawasan kajian kerana kawasan ini merupakan kawasan luar bandar yang kurang membangun serta kurang mempunyai peluang pekerjaan yang terhad disebabkan oleh faktor guna tanah, khususnya sebagai kawasan jelapang padi dan aktiviti pertanian lain (PLAN Malaysia @ Kelantan, 2022). Situasi tersebut menjejaskan peluang belia tempatan untuk mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian dengan kemahiran mereka.


Tambahan lagi, majoriti penduduk di Gunong, Bachok bergantung pada sektor pertanian dan aktiviti ekonomi tradisional yang berasaskan musim. Aktiviti tersebut sering kali tidak menyediakan peluang pekerjaan yang stabil kepada penduduk. Kegiatan pertanian yang bergantung pada musim dan hasil yang tidak konsisten turut memberikan impak negatif kepada penduduk luar bandar kerana menyebabkan mereka menghadapi masalah dalam memperoleh sumber mata pencarian yang stabil (Asli & Rahman, 2023). Kebanyakan kawasan luar bandar di Bachok, Kelantan juga masih kekurangan pembangunan fizikal seperti bangunan, infrastruktur, dan kemudahan lain terutamanya di mukim yang dipilih oleh penyelidik, iaitu Gunong (PLAN Malaysia@Kelantan, 2022). Dari segi pembangunan dan pelaburan, kawasan ini dilihat sedikit ketinggalan berbanding dengan beberapa mukim lain di Bachok seperti Jelawat dan Tawang yang menunjukkan peningkatan dari segi akses kepada kemudahan dan peluang pekerjaan. Program pembangunan dan pelaburan yang terhad turut menghalang kemajuan ekonomi serta peningkatan taraf hidup penduduk luar bandar. Keadaan ini seterusnya menyumbang kepada kadar pengangguran yang lebih tinggi di kawasan tersebut (Kementerian Ekonomi, 2020).

Kerangka Teoritikal

Kajian ini boleh dikaitkan dengan Teori Modal Insan (Theory of Human Capital) yang dikemukakan oleh Gary Becker (1994). Teori ini melihat individu sebagai modal dan aset penting bagi sesebuah organisasi atau ekonomi (Dopplet, 2019). Modal insan merupakan elemen penting dalam pembangunan ekonomi kerana tahap pengangguran yang rendah dapat meningkatkan persaingan dalam pasaran pekerjaan (Davydenko & Tishkina, 2024). Apabila kadar pengangguran rendah, lebih ramai individu berpeluang memperoleh dan meningkatkan kemahiran. Keadaan ini seterusnya dapat menyumbang kepada produktiviti tenaga kerja secara agregat. Dalam konteks ini, pelaburan dalam modal insan yang merangkumi beberapa elemen seperti pendidikan, kemahiran, pengetahuan, kesihatan, dan pengalaman dapat

UNCORRECTED PROOF

memberikan manfaat dalam jangka panjang (Mohamed Makhbul & Abd Latif, 2017). Walaupun aspek kesihatan kurang dibincangkan sebagai salah satu elemen modal insan, kesihatan pekerja turut mempengaruhi produktiviti individu, khususnya dari aspek fizikal, mental, dan kognitif. Oleh itu, elemen-elemen dalam Teori Modal Insan mempunyai hubungan yang penting dengan peningkatan produktiviti tenaga kerja. Rajah 1 menunjukkan elemen Teori Modal Insan yang berkaitan dengan aspek peningkatan produktiviti.



Rajah 1: Elemen untuk meningkatkan produktiviti dalam Teori Modal Insan
Sumber: Gary Becker (1994)

Sorotan Literatur

Antara faktor yang menyumbang kepada pengangguran belia luar bandar ialah tahap pendidikan dan peluang pekerjaan yang terhad (Mohammed Ojuolape *et al.*, 2024). Shahril *et al.* (2023) menyatakan bahawa penduduk luar bandar kurang memperoleh pendidikan disebabkan oleh jarak antara sekolah dengan tempat tinggal yang seterusnya memberikan kesan terhadap keupayaan mereka untuk mendapatkan pendidikan. Keadaan ini boleh menjejaskan peluang pekerjaan dalam kalangan belia luar bandar kerana kebanyakan organisasi menetapkan tahap pendidikan tertentu sebagai syarat dalam pengambilan pekerja. Oleh itu, belia luar bandar berhadapan dengan pilihan yang sukar, iaitu sama ada berhijrah untuk mendapatkan pendidikan dan pekerjaan yang lebih baik atau kekal di kawasan asal mereka (Souza *et al.*, 2024). Namun demikian, keadaan di kawasan luar bandar menunjukkan hubungan yang signifikan dengan isu pengangguran kerana masih terdapat belia yang tidak menamatkan pendidikan asas dan tidak mempunyai kelayakan yang mencukupi untuk melaksanakan pekerjaan dengan baik (Melati & Setyowati, 2020).

Selain itu, peningkatan berterusan kadar pengangguran dalam kalangan siswazah muda di Malaysia berpunca daripada faktor seperti penguasaan bahasa Inggeris, kemahiran kebolehpasaran, dan

UNCORRECTED PROOF

ketidakpadanan pekerjaan (Gan *et al.*, 2024). Walau bagaimanapun, isu pengangguran belia bukan sahaja berlaku di kawasan luar bandar, malah turut berlaku di kawasan bandar. Kajian berkaitan dengan faktor penyumbang kepada kadar pengangguran belia di bandar Kluang, Johor menunjukkan bahawa pengangguran berpunca daripada ketidakseimbangan tertentu dalam pasaran buruh yang dipengaruhi oleh krisis ekonomi dan kewangan semasa (Supramaniam & Hassan, 2021).

Faktor seterusnya ialah kekurangan latihan kemahiran (Undale, 2021). Individu yang mempunyai kemahiran teknikal yang terhad sering kali berhadapan dengan kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan kerana tidak memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh majikan. Dalam dunia pekerjaan yang semakin kompetitif, kemahiran teknikal yang tinggi dianggap sebagai aset penting yang dapat meningkatkan produktiviti dan kecekapan organisasi (Othman *et al.*, 2020). Individu yang memiliki kelulusan Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) sering kali mempunyai peluang pekerjaan yang lebih luas berbanding dengan graduan dari Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Hal ini demikian kerana pendidikan TVET lebih menekankan kaedah pembelajaran berorientasikan amali. Melalui pendekatan tersebut, pelajar bukan sahaja memperoleh pengetahuan teori, tetapi turut terlibat secara langsung dalam latihan praktikal yang berkaitan dengan bidang pekerjaan.

Penguasaan kemahiran seperti penggunaan komputer, numerasi, dan bahasa merupakan antara kemahiran yang diperlukan oleh majikan serta dapat meningkatkan peluang individu untuk mendapatkan pekerjaan. Kemahiran tersebut juga memberikan kelebihan utama kepada individu dalam pasaran buruh (Segbenya *et al.*, 2021). Kajian lepas menunjukkan bahawa kebanyakan graduan masih mempunyai kekurangan dalam kemahiran komunikasi, pengetahuan, penguasaan bahasa Inggeris, kemahiran teknikal, dan keupayaan menyelesaikan masalah (Mohd Salahuddin *et al.*, 2023; Soliev & Mamadiyorow, 2024). Selain itu, ketidakpadanan antara kemahiran yang dimiliki oleh belia dengan keperluan industri turut menyumbang kepada isu pengangguran.

Di samping faktor pendidikan dan kemahiran, penduduk luar bandar turut berhadapan dengan keterbatasan peluang pekerjaan serta kemudahan prasarana dan infrastruktur. Sebagai contoh, penduduk di kawasan luar bandar seperti Kampung Tian terpaksa mencari pekerjaan atau bekerja di pekan berhampiran seperti Pekan Daro yang terletak kira-kira 24 kilometer dari Kampung Tian. Hal ini demikian kerana pelbagai kemudahan dan pembangunan di kawasan bandar lebih banyak berbanding dengan kawasan luar bandar (Omar & Abd. Rahim, 2020). Kemudahan infrastruktur yang terhad, kekurangan industri pemprosesan tani yang mampan, serta program vokasional dan latihan yang terhad menyumbang kepada pengangguran belia (Haji Hatibu & Ali Hanifah, 2021). Selain itu, masalah capaian internet yang dihadapi oleh penduduk luar bandar menyukarkan urusan transaksi dalam talian dan mengehadkan penggunaan teknologi digital secara optimum dalam aktiviti perniagaan (Kurshiah *et al.*, 2023).

Seterusnya, pengangguran belia luar bandar turut memberikan kesan terhadap aspek sosioekonomi dan psikologi. Individu yang menganggur, khususnya dalam keadaan kuarantin boleh mengalami gangguan penyesuaian dari aspek sosiopsikologi. Keadaan ini boleh menjejaskan keupayaan individu untuk membina hala tuju kehidupan

UNCORRECTED PROOF

dan menyukarkan mereka untuk menyesuaikan diri dengan kehidupan seharian (Nataliia Kantarova *et al.*, 2023). Gedikli *et al.* (2022) berpendapat bahawa pengangguran jangka panjang boleh menjejaskan kesejahteraan sosioekonomi dan psikologi individu. Hal ini demikian kerana tempoh pengangguran yang panjang boleh menyebabkan kemerosotan kemahiran dan kepakaran serta mengurangkan peluang individu untuk mendapatkan pekerjaan dalam tempoh yang lebih singkat. Selain itu, kadar pengangguran yang tinggi dalam kalangan golongan muda sering dikaitkan dengan pelbagai tingkah laku sosial, termasuk penyalahgunaan dadah, jenayah, dan kebangkitan ekstremisme politik. Keadaan ini boleh memberikan ancaman kepada masyarakat, pembangunan mampan, dan kestabilan negara (Iduseri *et al.*, 2022).

Dari aspek kesihatan mental pula, depresi dan kebimbangan merupakan antara pemboleh ubah yang berkaitan dengan kes percubaan bunuh diri. Oleh itu, perhatian perlu yang lebih besar perlu diberikan kepada kesihatan mental golongan muda, terutamanya mereka yang berada dalam status sosioekonomi yang lebih rendah dan mengalami simptom kemurungan (Merino *et al.*, 2023). Golongan muda juga mungkin memilih untuk menganggur kerana terpaksa melanggar undang-undang sebagai usaha untuk meneruskan kehidupan serta meluahkan rasa tidak puas hati terhadap pengabaian yang dirasakan terhadap kewujudan mereka (Mbavefeter, 2023). Dari aspek ekonomi pula, kemerosotan pertumbuhan ekonomi boleh menyebabkan pengurangan perbelanjaan pengguna, penurunan hasil cukai, peningkatan perbelanjaan kerajaan, dan penurunan produktiviti. Keadaan tersebut menjadi lebih serius sekiranya berlaku penurunan permintaan terhadap barangan dan perkhidmatan kerana keadaan ini boleh memberikan impak negatif kepada perniagaan serta menghalang pertumbuhan ekonomi (Abdul Shakur *et al.*, 2020).

Antara strategi yang boleh dilaksanakan untuk mengurangkan kadar pengangguran belia luar bandar adalah dengan meningkatkan peruntukan belanjawan bagi pendidikan, projek pembangunan luar bandar, dan akses kepada infrastruktur. Usaha tersebut dapat membantu meningkatkan peluang pekerjaan dalam kalangan belia di kawasan luar bandar (Rufai *et al.*, 2021). Menurut Pusat Teknologi Maklumat Rangkaian Internet China (2022), seramai 160 juta isi rumah luar bandar mempunyai akses jalur lebar, manakala kadar penembusan internet di kawasan luar bandar China mencapai 58.8%. Peningkatan akses kepada talian kabel optik jarak jauh turut menyumbang kepada perkembangan capaian internet di kawasan tersebut. Keadaan ini membolehkan lebih ramai masyarakat luar bandar memperoleh kemahiran digital dan cenderung mempunyai tahap pendidikan, literasi digital, serta keupayaan mencari pekerjaan yang lebih baik (Zhang *et al.*, 2023).

Selain itu, kerajaan boleh melaksanakan penambahbaikan kemudahan dan perkakasan yang dapat menyediakan asas bagi pembangunan keusahawanan desa. Pada masa yang sama, infrastruktur seperti bekalan elektrik, pemuliharaan air, jalan raya, dan sistem perhubungan di kawasan luar bandar juga perlu ditambah baik (Li, 2022). Tolesa dan Zeleke (2024) pula menyatakan bahawa kemahiran keusahawanan dan latihan pelaburan turut memainkan peranan penting dalam pembangunan kawasan luar bandar. Oleh itu, bagi meningkatkan keberkesanan usaha mengurangkan kadar pengangguran, penambahbaikan dasar kerajaan perlu dilaksanakan secara berterusan, khususnya

UNCORRECTED PROOF

dalam penyediaan peluang pekerjaan yang bersesuaian dengan keperluan dan potensi belia luar bandar (Abdrakhmanova & Ashirbay, 2024).

Metodologi

Dalam kajian ini, pendekatan kajian kes dalam penyelidikan kualitatif digunakan untuk meneliti isu pengangguran belia luar bandar dengan melibatkan pemilihan individu tertentu yang mengalami situasi pengangguran. Kajian ini memfokuskan isu pengangguran belia di kawasan luar bandar, iaitu di Gunong, Bachok, Kelantan. Keluasan Daerah Gunong ialah 57.54 kilometer persegi atau 22.20 batu persegi. Bentuk muka bumi kawsan ini adalah rata dan berbukit (Pejabat Tanah dan Jajahan Bachok, 2018). Gunong merupakan kawasan luar bandar yang ekonominya bergantung pada aktiviti pertanian dan jelapang padi. Selain itu, kawasan tepu bina semasa di Gunong adalah sangat kurang dan rendah, kecuali di Jelawat (PLAN Malaysia, 2020). Pemilihan informan dilakukan secara bertujuan bagi membolehkan penyelidik memilih individu yang mempunyai pengetahuan, pengalaman, dan keterlibatan secara langsung dengan isu pengangguran belia luar bandar. Secara khusus, seramai sembilan orang informan dipilih dan dibahagikan kepada dua kategori. Kategori informan agensi terdiri daripada pengarah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah Negeri Kelantan (KKDW), pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan (ICU JPM), Pengurus GiatMARA, ketua kampung, dan usahawan belia. Sementara itu, kategori informan komuniti terdiri daripada belia yang menganggur dan berumur 18 hingga 30 tahun.

Pemilihan instrumen kajian yang sesuai adalah penting bagi memastikan data yang diperoleh mempunyai kesahan (validity) dan kebolehpercayaan (reliability), sekali gus menyokong kesimpulan dan cadangan yang dikemukakan dalam kajian. Dalam kajian ini, soalan separa berstruktur digunakan semasa sesi temu bual mendalam bersama informan bagi membantu penyelidik menjawab persoalan kajian. Selain itu, data sekunder turut digunakan bagi memperoleh maklumat yang berkaitan dengan kajian. Terdapat tiga kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam penyelidikan kualitatif bagi kajian pengangguran belia luar bandar, iaitu temu bual mendalam, pemerhatian, dan analisis dokumen. Data yang dikumpulkan kemudiannya dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik. Proses ini melibatkan pengenalpastian tema utama dan pola daripada maklumat yang diperoleh (Hariyanto, 2018). Selain itu, penyelidik menggunakan pendekatan triangulasi data bagi mengukuhkan tahap kepercayaan dan kesahan dapatan kajian. Menurut Jasmi (2012), kaedah triangulasi dapat digunakan untuk meningkatkan kepercayaan terhadap data temu bual yang diperoleh. Di samping itu, penyelidik tutut menitikberatkan aspek etika penyelidikan sepanjang proses pengumpulan data. Borang persetujuan telah diedarkan kepada semua informan bagi mendapatkan kebenaran untuk menyertai kajian secara sukarela. Pendekatan ini bukan sahaja memastikan proses kajian mematuhi garis panduan etika penyelidikan, malah turut meningkatkan kepercayaan dan integriti kajian.

Dapatan dan Perbincangan

Faktor-faktor Utama Pengangguran Belia Luar Bandar di Gunong, Bachok, Kelantan

Faktor Pendidikan

Belia luar bandar menghadapi cabaran yang lebih besar dalam mengakses peluang

UNCORRECTED PROOF

pendidikan yang berkualiti berbanding dengan belia di kawasan bandar. Ramai belia luar bandar berdepan dengan dilema, sama ada untuk kekal di kampung atau berhijrah ke bandar bagi mendapatkan peluang pendidikan dan pekerjaan yang lebih baik. Namun demikian, penghijrahan tersebut tidak semestinya membawa kepada peningkatan taraf hidup (Souza *et al.*, 2024). Tambahan pula, jarak yang jauh antara kawasan tempat tinggal dengan institusi pendidikan dan tempat pekerjaan menyukarkan belia untuk meningkatkan kualiti hidup mereka. Keadaan ini seterusnya boleh melebarkan jurang sosioekonomi antara kawasan bandar dengan luar bandar. Kenyataan tersebut turut diakui dan disokong oleh Informan Utama Kedua seperti berikut:

"...Jadi kita jadi orang tengah untuk mempertemukan golongan sasar eKasih dengan syarikat ini. Kira ado had umur dia, pendidikan laa sebab dia berniaga kalau dia nak bagi secara terpaksa kesian alik dia, sebab dia kena bagi gaji minimum RM1,700.00 pula tu…"

(Informan Utama Kedua)

Menurut Informan Utama Kedua, faktor pendidikan turut mempengaruhi peluang pengambilan pekerjaan. Hal ini dapat dilihat melalui usaha kolaborasi dengan syarikat bagi memberikan peluang pekerjaan kepada golongan sasaran yang berdaftar dalam eKasih. Walau bagaimanapun, syarikat tersebut turut menetapkan syarat kelayakan dalam pengambilan pekerja, terutamanya dari segi had umur dan tahap pendidikan. Penetapan kriteria kelayakan ini penting bagi memenuhi keperluan syarikat, selain mengambil kira kewajipan syarikat untuk membayar gaji minimum sebanyak RM1,700.00. Kenyataan tersebut turut disokong oleh Informan Keempat seperti berikut:

"...Pengaruh jugok kot sebab saya dulu CGPA tak tinggi mano bo bo lepas jah minta kijo pun mace tak membantu mano…"

Kenyataan Informan Keempat dalam bahasa baku:

"...Mungkin ada pengaruh juga kerana dahulu CGPA saya tidak terlalu tinggi, cukup-cukup makan sahaja. Apabila memohon pekerjaan pun seakan tidak banyak membantu…"

(Informan Keempat)

Menurut Informan Keempat, faktor *Cumulative Grade Point Average* (CGPA) yang rendah menjejaskan peluang beliau untuk diterima bekerja. Namun demikian, informan tersebut menyatakan bahawa pekerjaan biasa masih boleh diperoleh walaupun seseorang tidak mempunyai pencapaian akademik yang cemerlang. Kenyataan tersebut turut disokong oleh Informan Ketiga, iaitu seorang belia lepasan diploma yang menyatakan bahawa tahap pendidikan turut mempengaruhi pengangguran belia luar bandar seperti berikut:

"...Mempengaruhi jugok kalu tempat kijo hok molek sikit mace kerajaan yo tengok juga bide hok kito ambik kiro tengok jawatan gapo, cumo loni gak paling-paling SPM keno ado…"

Kenyataan Informan Ketiga dalam bahasa baku:

"...Mempengaruhi juga kalau tempat kerja yang lebih baik seperti dalam sektor kerajaan, mereka melihat juga bidang yang

UNCORRECTED PROOF

kita ambil serta jawatan yang dipohon. Cuma sekarang ini, sekurang-kurangnya perlu ada SPM…"

(Informan Ketiga)

Informan Ketiga menyatakan bahawa kebanyakan majikan pada masa ini mengambil pekerja yang sekurang-kurangnya mempunyai kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau sijil kemahiran tertentu. Walau bagaimanapun, pandangan tersebut bercanggah dengan kenyataan Informan Utama Kelima yang menyatakan bahawa faktor pendidikan bukan faktor utama yang menyebabkan pengangguran.

"...Ikutkan dok susoh pun sebab banyok pekerjaan boleh buat cuma tak sesusoh bandar la… sebab dio nok tengok jugok pendidikan...Cumonya dio lebih pado pertanian…"

Kenyataan Informan Utama Kelima dalam bahasa baku:

"…Sebenarnya tidaklah susah kerana banyak pekerjaan yang boleh dilakukan, tidak sesusah di bandar… kerana dia juga melihat kepada aspek pendidikan… Cuma, lebih kepada sektor pertanian…"

(Informan Utama Kelima)

Menurut Informan Utama Kelima, pendidikan bukanlah faktor utama yang mempengaruhi peluang pekerjaan di kawasan kajian. Menurut beliau, faktor pendidikan lebih mempengaruhi peluang pekerjaan sekiranya pekerjaan tersebut berada di kawasan bandar kerana kebanyakan pekerjaan di bandar mengambil kira tahap pendidikan sebagai salah satu kriteria pengambilan pekerja. Walau bagaimanapun, analisis kajian lepas turut menunjukkan bahawa pendidikan boleh mempengaruhi tempoh pengangguran belia. Setiap tahun, pemegang diploma mencatatkan penurunan tempoh pengangguran sebanyak 37.7% berbanding dengan lepasan SPM, manakala pemegang ijazah dan pascasiswazah masing-masing menunjukkan penurunan sebanyak 36.7% dan 61.4% berbanding dengan pemegang SPM. Hal ini menunjukkan bahawa individu yang mempunyai tahap pendidikan pascasiswazah memperoleh pekerjaan dalam tempoh yang lebih singkat, diikuti oleh pemegang ijazah dan diploma (Shahril *et al.*, 2023).

Latihan dan Kemahiran

Latihan dan kemahiran merupakan antara alternatif yang dapat membantu melahirkan tenaga kerja yang cekap, berpengetahuan, dan berkemahiran. Berdasarkan kajian lepas oleh Othman *et al.* (2020), kemahiran yang terhad merupakan antara faktor utama yang menyebabkan individu tidak ditawarkan pekerjaan. Aspek ini penting kerana kemahiran merupakan aset berharga yang dapat meningkatkan produktiviti organisasi, khususnya dalam kalangan individu yang mempunyai kelayakan pendidikan dan kemahiran TVET. Dalam hal ini, Informan Utama Pertama memberikan kenyataan seperti berikut:

"...Kalau Program PKD Bachok dekat Kandis je, ikutkan kita open je dekat kawasan lain cuma tak banyak sambutan sebab jauhkan. Kalau Gunong jauh sikit laa dia nak datang sini…"

(Informan Utama Pertama)

Informan Utama Pertama menyatakan bahawa program latihan dan kemahiran seperti Program Pusat Komuniti Desa (PKD) Bachok hanya dilaksanakan di Kandis. Walaupun usaha menyediakan latihan dan

UNCORRECTED PROOF

kemahiran telah dilaksanakan, namun jarak yang jauh menjadi salah satu cabaran yang menyukarkan belia untuk hadir dan menyertai program tersebut. Kenyataan ini turut disetujui oleh Informan Utama Kedua seperti berikut:

"...Platform MyFuture job untuk mengwar-warkan pekerjaan yang ada, sediakan untuk penganggur kursus yang boleh memberikan dia idea untuk mereka berniaga macam buat ayam gunting…tahun lepas Jelajah e-Kasih di Pantai Irama dan mengambil pendekatan pergi ke tempat mereka, macam pedalaman…mereka orang miskin takkan nak keluar pergi jauh kan…"

(Informan Utama Kedua)

Menurut Informan Utama Kedua, pihak berkenaan menggunakan platform MyFutureJob unutk menguar-uarkan peluang pekerjaan yang tersedia. Selain itu, pihak ICU JPM turut menyediakan kursus kepada golongan penganggur bagi membina kemahiran yang boleh digunakan untuk memulakan perniagaan seperti penghasilan ayam gunting. Pendekatan yang digunakan adalah dengan mendekati komuniti terpinggir di kawasan pedalaman kerana sebahagian penduduk yang berpendapatan rendah mungkin menghadapi kesukaran untuk hadir ke pusat sokongan dan latihan yang terletak jauh dari tempat tinggal mereka. Di Bachok, program tersebut diadakan di Pantai Irama sebagai lokasi penganjuran ekspo pekerjaan. Walau bagaimanapun, jarak antara Gunong dengan Pantai Irama yang agak jauh boleh menjadi salah satu cabaran kepada belia untuk menghadiri program tersebut. Kenyataan ini turut disokong oleh Informan Pertama seperti berikut:

"...kawase ni dok pernah, saya pernah masuk GiatMARA Pasir Puteh kursus reka bentuk jahitan. Kiro keno tubik juga lah dari kawasan ni…"

Berikut merupakan terjemahan dialek Informan Pertama:

"...Di kawasan ini belum pernah, saya pernah mengikuti kursus reka bentuk jahitan di GiatMARA Pasir Puteh. Jadi, boleh dikatakan saya perlu keluar juga dari kawasan ini…"

(Informan Pertama)

Informan Pertama menyatakan bahawa program latihan dan kemahiran yang pernah disertainya adalah di GiatMARA Pasir Puteh. Oleh sebab program tersebut tidak disediakan di kawasan tempat tinggalnya, beliau perlu pergi ke lokasi lain untuk mendapatkan latihan dan kemahiran yang diperlukan. Walau bagaimanapun, keterangan Informan Utama Keempat yang merupakan Ketua Kampung menunjukkan pandangannya yang bercanggah. Beliau berpendapat bahawa program latihan dan kemahiran masih disediakan, tetapi pelaksanaannya masih belum mencapai tahap yang optimum seperti yang dinyatakan berikut:

"...Ada juga panggil tapi dekat sekolah-sekolah, mari ceramoh gitu. Tapi kalau hok berminat dia join, kalau tak gak takdop la. Tapi sifat ore kampung gitu la, ikut palo dio jah…"

Kenyataan Informan Utama Keempat dalam bahasa baku:

"…Ada juga jemput tetapi hanya di sekolah-sekolah dan lebih kepada ceramah sahaja. Namun, jika ada yang berminat mereka akan sertai, jika tidak maka tiadalah. Itulah sifat orang kampung, mengikut kehendak mereka sahaja…"

(Informan Utama Keempat)

UNCORRECTED PROOF

Berdasarkan kenyataan tersebut, dapat dikatakan bahawa belia di sekitar Gunong masih belum memperoleh program latihan dan kemahiran yang mencukupi. Walaupun terdapat program yang disediakan, pelaksanaannya masih terhad kepada aktiviti tertentu seperti ceramah di sekolah. Pada masa yang sama, sikap segelintir orang kampung yang kurang berminat atau kurang terhadap kepentingan program tersebut turut menjadi cabaran dalam usaha menggalakkan penyertaan. Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa kekurangan latihan dan kemahiran merupakan antara faktor yang boleh menyumbang kepada pengangguran belia luar bandar. Walau bagaimanapun, program pembangunan kemahiran yang efektif serta latihan yang bersesuaian berpotensi meningkatkan kebolehpasaran dan peluang pekerjaan belia sekiranya dirancang dengan baik, mudah diakses dan selaras dengan permintaan pasaran pekerjaan (Undale, 2021).

Kemahiran Teknologi dan Bahasa

Gabungan kemahiran teknologi dan penguasaan bahasa merupakan antara aspek penting bagi individu dalam menghadapi era globalisasi. Individu yang menguasai kedua-dua kemahiran tersebut berpotensi memperoleh lebih banyak peluang dalam bidang kerjaya. Berdasarkan kajian oleh Soliev dan Mamadiyorov (2024), pengangguran belia di daerah Bulungur, Samarkand berjaya dikurangkan melalui pelaksanaan kursus teknologi dan bahasa Inggeris. Dapatan kajian tersebut juga selari dengan Teori Modal Insan yang menekankan bahawa peningkatan kemahiran dan pendidikan dapat menjadikan individu lebih kompetitif dalam pasaran pekerjaan. Oleh itu, pelaksanaan program sedemikian berpotensi mengurangkan pengangguran dalam jangka panjang, di samping mengurangkan jurang kemahiran dalam kalangan belia. Hal ini selari dengan kenyataan informan yang menyokong dapatan kajian lepas tersebut seperti berikut:

"...saya meme tak minat mano akademik... buleh laa sikit-sikit ...Tapi ada jugok sesetengoh tempat kijo hok dio meme nok ore reti banyok bahaso mace BI (bahasa Inggeris) ko gitu…"

Berikut merupakan kenyataan informan dalam bahasa baku:

"…Saya memang tidak begitu berminat dalam akademi. Tetapi ada sesetengah tempat kerja memang memerlukan seseorang yang mahir dalam banyak bahasa seperti bahasa Inggeris…"

(Informan Pertama)

Berdasarkan kenyataan tersebut, dapat dilihat bahawa kemahiran bahasa turut mempengaruhi peluang pekerjaan, khususnya bagi pekerjaan tertentu yang memerlukan penguasaan bahasa asing. Kenyataan ini selari dengan kajian lepas yang menunjukkan bahawa kemahiran teknologi dan penguasaan bahasa merupakan antara aspek yang mempengaruhi kebolehpasaran belia di kawasan luar bandar (Segbenya *et al.*, 2021). Tambahan pula, menurut informan komuniti, kebanyakan pekerjaan di bandar lebih menekankan kemahiran komunikasi, terutamanya penguasaan bahasa asing seperti bahasa Inggeris. Dalam pada itu, pekerjaan di kawasan luar bandar didapati kurang menekankan keperluan terhadap penguasaan bahasa asing.

UNCORRECTED PROOF

Prasarana dan Infrastruktur

Prasarana dan infrastruktur merujuk kemudahan asas yang diperlukan bagi memastikan kelancaran aktiviti harian serta menyokong pembangunan sesebuah negara. Menurut Profesor Datin Seri Suhaiza Hanim, pembangunan infrastruktur yang lengkap dapat menjadi pemangkin kepada kemajuan kawasan luar bandar (Faida Rahim, 2023). Selain itu, kewujudan jaringan internet dan kemudahan komunikasi yang baik di kawasan luar bandar dapat membantu penduduk memperoleh maklumat serta pengetahuan berkaitan dengan peluang untuk meningkatkan pendapatan. Kenyataan tersebut turut disokong oleh beberapa informan seperti berikut:

"...Sini tak masuk grab, teksi dulu sampai Pantai Timor, dia tak masuk kecuali cas mahal…"

(Informan Utama Kelima)

"...Boleh kata ya juga tempat kerja tu jauh 30 ke 50 minit la kena keluar dari kawasan ni (Gunong)..."

(Informan Pertama)

Berdasarkan kenyataan Informan Utama Kelima dan Informan Pertama, kemudahan prasarana dan infrastruktur turut mempengaruhi peluang pekerjaan belia luar bandar di Gunong. Hal ini demikian kerana kekurangan kemudahan pengangkutan awam menyukarkan belia untuk bergerak ke kawasan bandar bagi mencari pekerjaan atau memenuhi keperluan harian. Perjalanan ke kawasan yang mempunyai lebih banyak peluang pekerjaan mengambil masa antara 30 hingga 50 minit dari kawasan tempat tinggal mereka. Informan Utama Kelima turut menyatakan bahawa perkhidmatan pengangkutan awam seperti teksi hanya sampai di sekitar Pasaraya Pantai Timur. Sekiranya perkhidmatan tersebut diperlukan untuk perjalanan ke kawasan kampung, caj yang lebih tinggi akan dikenakan. Kenyataan tersebut turut disokong oleh Informan Utama Ketiga yang menekankan bahawa pergerakan ke luar kawasan melibatkan kos dan usaha tertentu seperti yang dinyatakan berikut:

"...Kita ada dua faktor lah, satu costing, satu effort dia lah, so kalau kenderaan situ memang tak masuk teksi ke grab tu memang tak ada bus pun tak ada, memang kena keluar je kalau dia tak nak keluar, sikap lah kan…"

(Informan Utama Ketiga)

Menurut Informan Utama Ketiga, kos dan usaha yang diperlukan untuk keluar dari kawasan tempat tinggal merupakan antara perkara yang perlu dipertimbangkan oleh belia ketika mencari pekerjaan. Pada masa yang sama, sikap sebahagian belia yang enggan keluar dari kampung bagi mendapatkan pekerjaan juga boleh menjadi salah satu faktor yang menyebabkan mereka kekal dalam keadaan menganggur. Selain masalah pengangkutan, kestabilan internet di kawasan ini turut menjadi antara cabaran kepada pembangunan sosioekonomi penduduk luar bandar. Masalah tersebut menyukarkan urusan dalam talian serta mengehadkan pengoptimuman teknologi digital dalam operasi perniagaan (Kurshiah *et al.*, 2023). Dalam konteks ini, terdapat informan yang turut menyokong kenyataan tersebut seperti berikut:

"...Internet, dale kg ni masalah sikik, dulu guno celcom maxis kali ni tuka umobile, laju sikik. Kiro kalu nok kijo online tu payoh juga sero, atas kawase…"

UNCORRECTED PROOF

Berikut merupakan kenyataan Informan Utama Kelima dalam bahasa baku:

"…Internet di kampung ini ada sedikit masalah. Dahulu menggunakan Celcom dan Maxis, kini UMobile yang agak lebih laju. Namun, jika hendak bekerja secara dalam talian agak sukar, bergantung pada kawasan…"

(Informan Utama Kelima)

Seperti yang diakui oleh Informan Utama Kelima, perkhidmatan internet di kawasan ini masih berhadapan dengan masalah ketidakstabilan. Berdasarkan kenyataan informan, perkhidmatan daripada penyedia seperti *Celcom, Maxis*, dan *Umobile* masih mengalami masalah dari segi kelajuan dan kestabilan sambungan internet. Ketidakstabilan tersebut bukan sahaja mengehadkan peluang pekerjaan secara digital, malah turut menjejaskan akses penduduk kepada pelbagai perkhidmatan dalam talian. Oleh itu, dapatan ini selari dengan kajian yang menyatakan bahawa penduduk luar bandar berhadapan dengan keterbatasan peluang pekerjaan serta kemudahan prasarana dan infrastruktur yang terhad (Omar Ali & Abd. Rahim, 2020).

Faktor-faktor Lain

Selain faktor pendidikan, latihan dan kemahiran, serta prasarana dan infrastruktur, terdapat beberapa faktor lain yang dikenal pasti melalui temu bual mendalam bersama informan. Antara faktor yang ditekankan dalam konteks kawasan kajian ialah pengambilan dadah dan air ketum, faktor gaji, serta pemilihan pekerjaan. Menurut Informan Utama Keempat, iaitu Ketua Kampung, pengaruh persekitaran dan keterlibatan dalam aktiviti yang tidak sihat merupakan antara faktor yang boleh mempengaruhi keadaan pengangguran belia di kawasan ini seperti yang dinyatakan berikut:

"…Bilo duk gelewak kampung gitu laa jadi dio ikut bendo hok tok molek…dadah, ganja, air ketum…Kalau dia tak terlibat, inshaAllah dia boleh dapatkan kemahiran ko gapo…"

Kenyataan Informan Utama Keempat dalam bahasa baku:

"…Apabila melepak di kampung, dia mudah terpengaruh dengan perkara yang tidak baik seperti dadah, ganja, dan air ketum. Jika dia tidak terlibat, insya-Allah dia boleh memperoleh apa sahaja kemahiran…"

(Informan Utama Keempat)

Berdasarkan kenyataan tersebut, pengaruh persekitaran yang negatif dan keterlibatan dalam penyalahgunaan bahan terlarang dilihat sebagai antara faktor yang boleh menghalang belia daripada berusaha mendapatkan pekerjaan atau meningkatkan kemahiran. Walau bagaimanapun, keadaan ini lebih wajar dilihat sebagai faktor yang mempengaruhi sebahagian belia dan bukannya keseluruhan belia di kawasan kajian. Kenyataan informan tersebut disokong oleh kajian lepas yang menunjukkan terdapat hubung kait antara pengangguran dengan penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia. Kebanyakan belia yang terlibat dalam aktiviti jenayah didapati berada dalam keadaan mabuk atau tidak sedar akibat penyalahgunaan dadah yang dikaitkan dengan pengaruh kumpulan rakan sebaya yang tidak prososial serta kumpulan antisosial (Francis *et al.*, 2024). Selain itu, faktor gaji dan pemilihan pekerjaan turut dikenal pasti dalam kajian ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Informan Pertama:

UNCORRECTED PROOF

"...Memilih kerja, faktor lain gaji…saya dulu kijo pah berhenti sebab gaji muroh saya dapat RM 1,100.00 walaupun ikutkan gaji minimum RM1,500.00 dulu ni hok baru pula naik RM1,700.00…"

(Informan Pertama)

Menurut Informan Pertama, faktor pemilihan kerjaya dan kadar gaji turut mempengaruhi keputusan seseorang untuk kekal atau berhenti daripada sesuatu pekerjaan. Beliau menyatakan bahawa kadar gaji yang rendah menjadi antara sebab beliau berhenti kerja. Menurut beliau, beliau hanya menerima gaji sebanyak RM1,100.00 sebulan dan mengambil keputusan untuk berhenti kerana kadar gaji yang diterima tidak mematuhi kadar gaji minimum yang dinyatakan dalam kenyataannya. Faktor pemilihan pekerjaan turut disokong oleh Informan Utama Kedua, iaitu Ketua Penolong Pengarah Seksyen Kesejahteraan Rakyat di Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan (PPPNK) seperti yang dinyatakan berikut:

"...Memilih kerja melibatkan gaya hidup, tekanan kerja, dan juga latar belakang keluarga. Jika keluarganya guru, mungkin dia tidak berminat untuk menceburi bidang pertanian…"

(Informan Utama Kedua)

Menurut Informan Utama Kedua, terdapat sebahagian individu yang memilih pekerjaan berdasarkan faktor gaya hidup, tekanan kerja, dan latar belakang keluarga. Sebagai contoh, individu yang berasal daripada keluarga yang mempunyai latar belakang pekerjaan tertentu mungkin kurang berminat untuk menceburi bidang pekerjaan yang berbeza seperti sektor pertanian. Walau bagaimanapun, beliau turut menekankan bahawa seseorang individu perlu berusaha dan mempunyai kesungguhan untuk mencapai kejayaan dalam bidang yang diceburinya.

Implikasi Pengangguran Belia Luar Bandar Mempengaruhi Sosioekonomi dan Psikologi di Kelantan

Sosioekonomi

Hugo F. Reading (1976) menyatakan bahawa sosioekonomi merangkumi unsur-unsur kemasyarakatan, dan ekonomi. Pengangguran dalam kalangan belia luar bandar di Kelantan memberikan kesan terhadap aspek sosioekonomi dan psikologi masyarakat. Dari sudut sosioekonomi, kadar pengangguran yang tinggi berpotensi menyumbang kepada peningkatan kemiskinan kerana golongan belia tidak mempunyai sumber pendapatan yang tetap untuk menyara diri dan keluarga. Perkara ini dapat dilihat melalui kenyataan informan tersebut:

"...Lebih pada memberi kesan jugok, sebab dia takdok duit kan. Kalau takdok duit, dio takdok kijo nak makan, nak hisap rokok ko gapo kan…"

Berikut merupakan kenyataan informan dalam bahasa baku:

"...Memberi kesan juga kerana dia tidak mempunyai duit. Jika tiada duit, dia tiada pekerjaan untuk menyara makan, membeli rokok atau apa sahaja keperluan…"

(Informan Utama Keempat)

Berdasarkan dapatan tersebut, Informan Utama Keempat memberikan pandangan bahawa pengangguran belia memberikan impak terhadap keadaan ekonomi dan pendapatan mereka. Ketiadaan sumber kewangan yang mencukupi

UNCORRECTED PROOF

menyukarkan golongan penganggur untuk memenuhi keperluan harian. Kenyataan ini turut disokong oleh informan lain seperti berikut:

"...Bagi kesan juga la, sebab pampers ke susu anak mahalkan…Pastu ada bantuan STR kan, okay la tak laa macam terbeban sangat macam duduk bandar. Cuma kadang pernah la tertangguh nak bayar bil api air tu 2 ke 3 bulan…"

(Informan Ketiga)

Secara keseluruhannya, informan komuniti menghadapi pelbagai kesan ekonomi dan sosial akibat kekurangan kewangan serta pendapatan yang tidak mencukupi. Mereka menyatakan bahawa kehidupan menjadi semakin sukar apabila harga barangan keperluan asas seperti makanan dan keperluan bayi semakin meningkat. Walau bagaimanapun, sebahagian daripada mereka bergantung pada bantuan kerajaan seperti Sumbangan Tunai Rahmah (STR) bagi meneruskan kehidupan. Kekangan kewangan turut menyebabkan sesetengah informanterpaksa menangguhkan pembayaran bil elektrik dan air selama dua hingga tiga bulan. Jelaslah bahawa pengangguran belia memberikan impak secara langsung atau tidak langsung terhadap keadaan sosioekonomi belia luar bandar. Dapatan ini turut disokong oleh Mbavefeter (2023) yang menyatakan bahawa kemerosotan pertumbuhan ekonomi merupakan antara faktor yang mendorong peningkatan kadar pengangguran dalam sebuah negara. Apabila pertumbuhan ekonomi merosot, keadaan tersebut memberikan kesan terhadap pengurangan perbelanjaan pengguna, penurunan kutipan hasil cukai, peningkatan perbelanjaan kerajaan, serta penurunan tahap produktiviti.

Psikologi

Berdasarkan kajian lepas oleh Sarnon@Kusenin *et al.* (2019), pengangguran dan kemiskinan merupakan antara faktor yang dikaitkan dengan penglibatan belia dalam aktiviti jenayah. Tekanan ekonomi dan perasaan gagal dalam kehidupan boleh mendorong sesetengah individu terlibat dalam tingkah laku yang berisiko, termasuk penagihan dadah, alkohol, masalah sosial, dan salah laku seksual. Hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa penagihan dadah boleh mendorong individu mencari sumber kewangan tambahan selain pendapatan daripada pekerjaan bagi memastikan bekalan dadah mereka berterusan. Dalam konteks kajian ini, kenyataan tersebut turut disokong oleh Informan Utama Pertama yang menyatakan:

"...Fikir juga kalau takda duit ni, tu kalau kita tengok loni bilo takdop duit gak mulo lah bunuh diri laa, buat kijo hok tak molek laa nok boleh ko duit…"

Kenyataan Informan Utama Pertama dalam bahasa baku:

"...Fikir juga tentang keadaan apabila tiada duit. Jika kita lihat sekarang, apabila tiada wang ada yang mula terfikir untuk membunuh diri, atau melakukan perkara yang tidak baik semata-mata untuk mendapatkan wang…"

(Informan Utama Pertama)

Menurut Informan Utama Pertama, iaitu Penolong Pengarah 1, Bahagian Pentadbiran KKDW Negeri Kelantan, pengangguran belia akan memberikan kesan terhadap kesejahteraan diri mereka. Kekurangan sumber kewangan boleh menyebabkan sesetengah individu mengalami tekanan sehingga terfikir untuk mencederakan diri atau melakukan perkara

UNCORRECTED PROOF

yang tidak baik bagi mendapatkan wang. Walau bagaimanapun, kenyataan tersebut merupakan pandangan informan dan tidak semestinya menggambarkan keadaan semua belia yang menganggur. Selain itu, Informan Ketiga turut menyatakan bahawa pengangguran boleh memberikan kesan terhadap keadaan psikologi belia seperti yang dinyatakan berikut:

"...Ramai anak muda terlibat dengan aktiviti tidak berfaedah merempit, melepak tak kira waktu. Mereka bertindak macam tu bukannya dapat duit apa tapi kalau duduk rumah kena marah dengan family, stress juga kan lebih baik mereka keluar..."

(Informan Utama Ketiga)

Berdasarkan pemerhatian Informan Utama Ketiga, pengangguran boleh dikaitkan dengan kecenderungan sesetengah anak muda untuk terlibat dalam aktiviti yang kurang berfaedah seperti merempit dan melepak tanpa mengira waktu. Tingkah laku ini mungkin dipengaruhi oleh faktor tekanan dalam keluarga sehingga mereka memilih untuk menghabiskan masa di luar rumah bagi mengurangkan tekanan yang dialami. Penglibatan dalam aktiviti negatif tersebut berpotensi memberikan kesan terhadap kesejahteraan psikologi individu. Walau bagaimanapun, dapatan kajian turut menunjukkan bahawa tidak semua informan mengalami kesan psikologi yang sama akibat pengangguran. Hal ini dapat dilihat melalui kenyataan Informan Pertama seperti berikut:

"...Setakat ini okay jah tak terjejas pun...sebab kampung boleh makan boleh hidup..."

(Informan Pertama)

Informan Pertama yang merupakan seorang penganggur lepasan SPM dan suri rumah menyatakan bahawa pengangguran tidak memberikan tekanan yang ketara terhadap dirinya. Menurut beliau, kehidupan di kawasan kampung masih membolehkannya mendapatkan makanan atau memenuhi keperluan harian. Kenyataan ini menunjukkan bahawa kesan psikologi akibat pengangguran boleh berbeza antara individu, bergantung pada keadaan kehidupan dan kemampuan mereka memenuhi keperluan asas. Dapatan tersebut turut disokong oleh kajian lepas yang menunjukkan bahawa perhatian yang lebih besar perlu diberikan kepada aspek kesihatan mental dalam kalangan golongan muda, khususnya mereka yang berasal daripada latar belakang sosioekonomi rendah dan menunjukkan simptom kemurungan (Merino *et al.*, 2023). Oleh itu, isu kesihatan mental dalam kalangan golongan muda wajar diberikan perhatian, terutamanya dalam kalangan mereka yang berhadapan dengan kekangan sosioekonomi dan pengangguran.

Strategi Kerajaan yang Boleh Dilaksanakan bagi Mengurangkan Kadar Pengangguran Belia Luar Bandar di Kelantan

Pemberian Bantuan Modal Awal

Modal awal merupakan dana atau sumber kewangan yang diperlukan untuk memulakan perniagaan serta menampung perbelanjaan operasi bagi menjana pendapatan. Dapatan ini disokong oleh kajian Siti Aisyah *et al.* (2024) yang menunjukkan bahawa salah satu faktor luaran yang menyumbang kepada ketahanan usahawan ialah bantuan kerajaan, khususnya pemberian geran sebanyak RM20,000.00 kepada peserta Program Agropreneur Muda (PAM) negeri Terengganu yang layak. Menurut informan dalam kajian tersebut, tujuh orang daripada mereka menyatakan

UNCORRECTED PROOF

bahawa bantuan kewangan tersebut digunakan untuk membeli peralatan perniagaan dan seterusnya membantu mengembangkan perusahaan Agropreneur Muda. Selain itu, sokongan kerajaan juga penting dalam membantu masyarakat menyediakan keperluan operasi perniagaan. Sehubungan dengan itu, informan dalam kajian ini turut memberikan cadangan kepada pihak kerajaan seperti berikut:

"...Pastu tamboh bantuan awal la sero, kadang belia ni ado jah ideo nak buat mace mace tapi hasrat tu terhenti sebab takdok modal."

Kenyataan Informan Utama Kelima dalam bahasa baku:

"...Selain itu, perlu juga diberikan bantuan awal. Kadangkala belia mempunyai idea untuk melakukan pelbagai aktiviti tetapi hasrat itu terhenti kerana tiada modal."

(Informan Utama Kelima)

Hasil temu bual menunjukkan bahawa kekurangan modal dalam kalangan belia merupakan antara halangan terhadap aspirasi keusahawanan belia luar bandar. Informan Utama Kelima menyatakan bahawa walaupun terdapat belia yang mempunyai idea dan minat untuk menjalankan perniagaan seperti membuka perniagaan kecil-kecilan, hasrat tersebut boleh terbantut akibat kekurangan sumber kewangan. Oleh itu, bantuan modal dan sokongan daripada pihak kerajaan dilihat sebagai antara inisiatif yang dapat membantu mengurangkan pengangguran dalam kalangan belia luar bandar. Sehubungan dengan itu, penyediaan lebih banyak program bantuan kewangan yang bersesuaian dapat membantu memupuk keusahawanan dalam kalangan belia, di samping menyokong pertumbuhan ekonomi setempat.

Kerjasama Kerajaan dengan Pelbagai Agensi

Menurut Menteri Sumber Manusia, V. Suvarkumar (2023), kerjasama antara kerajaan dengan pelbagai kementerian dan agensi dalam menangani masalah yang dihadapi oleh kelompok sasaran adalah penting serta berpotensi membantu mengurangkan kadar pengangguran dalam negara (Bernama, 2023). Kerjasama tersebut juga membolehkan penyelesaian yang lebih bersesuaian dirangka berdasarkan masalah khusus yang dihadapi oleh kelompok sasaran. Secara tidak langsung, pendekatan ini dapat menyokong pencapaian matlamat pembangunan luar bandar. Kenyataan tersebut turut disokong oleh informan seperti berikut:

"...Saya rasa kerjasama antara jabatan dan fokus sasaran. Komunikasi tu tak sehaluan. Mungkin dasar tu tak selari dengan tempat..."

(Informan Utama Kedua)

Berdasarkan kenyataan Informan Utama Kedua, kerjasama antara kerajaan dengan pelbagai agensi, sama ada daripada sektor kerajaan mahupun swasta merupakan antara cadangan yang dapat membantu menangani ketidakpadanan antara perancangan pada peringkat pusat dengan keperluan sebenar pada peringkat pelaksanaan. Informan Utama Kedua menyatakan bahawa terdapat jurang komunikasi serta kekurangan kerjasama antara jabatan yang boleh menyebabkan dasar yang digubal kurang selari dengan keadaan setempat. Hal ini menunjukkan bahawa penyelarasan dan komunikasi yang berkesan antara semua pihak amat diperlukan bagi memastikan dasar serta program yang

UNCORRECTED PROOF

dilaksanakan benar-benar menepati keperluan masyarakat setempat.

Memperbanyak Peluang Pekerjaan di Kawasan Luar Bandar

Selain itu, usaha memperbanyak peluang pekerjaan di kawasan luar bandar merupakan salah satu strategi jangka panjang yang dapat menyokong pertumbuhan ekonomi setempat serta mengurangkan kadar pengangguran. Menurut kajian lepas, pembangunan kawasan luar bandar bergantung pada beberapa aspek, termasuk pembangunan pertanian, infrastruktur tempatan, dan ketersediaan pelbagai perkhidmatan. Sehubungan dengan itu, peningkatan pelaburan dalam aset tetap melalui bajet perbandaran yang dilaksanakan di beberapa kawasan luar bandar di Persekutuan Rusia didapati dapat meningkatkan tahap pekerjaan di kawasan tersebut (Salimova *et al.*, 2024). Kenyataan tersebut turut disokong oleh informan kajian ini yang mencadangkan agar lebih banyak peluang pekerjaan diwujudkan di kawasan Gunong seperti yang dinyatakan berikut:

"...Kerajaan boleh tarik pelabur buka kilang atau Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di kawasan Gunong...Kalau ado kilang buat makanan, perabot ko gapo kiro kilang besar, belia tak perlu gi bandar ko mano-mano nok cari kijo…"

(Informan Ketiga)

Berdasarkan keseluruhan hujah Informan Ketiga, kawasan luar bandar ini berhadapan dengan kekurangan peluang pekerjaan yang berkualiti. Ketiadaan kawasan industri yang mencukupi menyebabkan sebahagian belia perlu berhijrah ke kawasan lain bagi mendapatkan peluang pekerjaan. Oleh itu, usaha memperbanyak peluang pekerjaan di kawasan ini berkait rapat dengan keperluan menarik pelaburan untuk membuka kilang atau Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di sekitar Gunong, selaras dengan cadangan Informan Ketiga. Dalam hal ini, kerajaan boleh memainkan peranan yang lebih aktif dalam menggalakkan pelaburan dan membangunkan infrastruktur di kawasan luar bandar bagi menyokong pewujudan peluang pekerjaan. Sijibat (2022) turut menyokong dapatan ini dengan menyatakan bahawa pembangunan pelaburan dapat diagihkan dengan lebih seimbang, terutamanya di kawasan luar bandar. Oleh itu, peningkatan peluang pekerjaan melalui kemasukan pelaburan dan pembangunan sektor industri berpotensi mengurangkan kebergantungan belia terhadap peluang pekerjaan di kawasan bandar.

Menubuhkan Satu Kementerian Khusus dalam Memberi Peluang Pekerjaan

Berdasarkan dapatan kajian, isu pengangguran belia semakin membimbangkan dan memerlukan campur tangan yang lebih tersusun serta berfokus daripada pihak kerajaan. Sehubungan dengan itu, informan mencadangkan agar penyelarasan antara kementerian dan agensi kerajaan diperkukuh bagi mengelakkan pertindihan peranan dalam pelaksanaan program berkaitan dengan peluang pekerjaan. Hal ini dapat dilihat melalui kenyataan Informan Utama Pertama seperti berikut:

"...Hok kerajaan nak buat loni, nak kecilkan kementerian. Dia lebih pada penyelarasan la sebenarnya. Program ada tapi dana daripada kementerian lain-lain. Kena ada satu kementerian hok fokus peluang pekerjaan sahaja. Jadi tak ada pertindihan peranan tu…"

(Informan Utama Pertama)

UNCORRECTED PROOF

Menurut Informan Utama Pertama, penubuhan sebuah kementerian khusus yang memberi tumpuan kepada penyediaan dan penyelarasan peluang pekerjaan merupakan antara cadangan yang boleh dipertimbangkan. Menurut beliau, kewujudan kementerian khusus tersebut dapat membantu mengurangkan pertindihan peranan antara kementerian dan agensi, di samping membolehkan peruntukan serta sumber diselaraskan dengan lebih berfokus. Dapatan ini selari dengan pandangan Persatuan Teknologi Kebangsaan Malaysia (PIKOM) yang menyokong penubuhan kementerian khusus bagi memantau sektor tertentu untuk mempercepatkan proses transformasi digital (Gobind Singh Deo, 2023).

Penambahbaikan Kesesuaian Dasar dan Pelaksanaan Dasar

Penambahbaikan dasar merujuk usaha memastikan sesuatu dasar dan pelaksanaannya sentiasa selaras dengan matlamat serta keperluan semasa. Dalam konteks pengangguran belia, penilaian semula terhadap keberkesanan dasar kerajaan penting bagi memastikan program yang dilaksanakan benar-benar memenuhi keperluan golongan sasaran. Kajian lepas oleh Abdrakhmanova dan Ashirbay (2024) menunjukkan bahawa analisis semula terhadap keberkesanan dasar kerajaan dalam menyediakan peluang pekerjaan kepada golongan muda seperti Projek Kor Pemuda (Zhasproject) dapat membantu menangani isu pengangguran belia. Menurut Informan Utama Kedua, antara perkara yang perlu diberikan perhatian oleh pihak kerajaan ialah kesesuaian dasar dengan keperluan serta impak yang ingin dicapai. Kenyataan beliau adalah seperti berikut:

"...Mungkin kesesuaian perlu diubah suai di pelbagai impak atau perlu fokus betul apa yang ingin dicapai. Duit banyak cuma kesesuaian tak berapa…"

(Informan Utama Kedua)

Menurut Informan Utama Kedua, penyesuaian dasar perlu dilakukan berdasarkan kesan dan keperluan sebenar yang dikenal pasti di lapangan. Walaupun peruntukan kewangan yang besar disediakan, keberkesanan sesuatu program masih bergantung pada kesesuaian dasar dengan keperluan kumpulan sasaran. Oleh itu, peruntukan yang disediakan perlu disalurkan kepada program yang benar-benar menepati objektif dan keperluan belia di kawasan luar bandar. Pandangan tersebut turut disokong oleh Informan Utama Ketiga seperti berikut:

"...Dasar MARA dan juga dasar kementerian. Jadi bila meneliti kepada dasar-dasar tu, kita perlu go in detail la…"

(Informan Utama Ketiga)

Menurut Informan Utama Ketiga, pelbagai cadangan yang dikemukakan di peringkat pelaksana perlu diteliti berdasarkan dasar sedia ada, termasuk dasar MARA dan dasar kementerian. Penelitian secara terperinci penting bagi memastikan cadangan yang dikemukakan di peringkat lapangan dapat diselaraskan dengan kehendak dasar induk. Oleh itu, kesesuaian antara dasar, keperluan setempat, dan pelaksanaan program perlu diberikan perhatian bagi memastikan strategi menangani pengangguran belia dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

UNCORRECTED PROOF

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini telah mencapai objektif pertama, iaitu mengkaji faktor-faktor yang menyumbang kepada pengangguran dalam kalangan belia luar bandar. Hasil kajian mendapati bahawa faktor yang paling dominan ialah kekurangan kemudahan infrastruktur dan prasarana yang mempengaruhi peluang pekerjaan serta keadaan pengangguran belia luar bandar di kawasan kajian. Selain itu, beberapa faktor lain turut dikenal pasti, antaranya penyalahgunaan dadah dan pengambilan air ketum, faktor gaji, serta pemilihan kerja. Seterusnya, kajian ini juga turut mencapai objektif kedua, iaitu mengkaji impak pengangguran terhadap aspek sosioekonomi dan psikologi belia yang menganggur. Dapatan menunjukkan bahawa pengangguran memberikan kesan terhadap keadaan ekonomi dan sosial belia, khususnya dari segi kekangan kewangan dan kesukaran memenuhi keperluan harian. Dari aspek psikologi pula, pengangguran boleh dikaitkan dengan tekanan serta kecenderungan sesetengah belia untuk terlibat dalam aktiviti yang kurang berfaedah.

Oleh itu, isu pengangguran belia luar bandar wajar diberikan perhatian yang lebih serius kerana pengabaian secara berterusan berpotensi memberikan kesan yang lebih besar terhadap ekonomi setempat dan negara, di samping meningkatkan risiko masalah kesihatan mental dan tekanan dalam kalangan belia. Sehubungan dengan itu, strategi kerajaan perlu ditambah baik dan diperkukuh selaras dengan cadangan yang dikemukakan oleh informan berdasarkan hasil dapatan kajian. Strategi yang dilaksanakan sewajarnya bersifat menyeluruh, berfokus, dan mengambil kira keperluan sebenar golongan sasaran. Pendekatan tersebut penting bagi memastikan impak positif dapat dirasai dalam jangka pendek dan jangka panjang, khususnya oleh golongan belia luar bandar selaras dengan objektif ketiga kajian. Kajian ini juga berpotensi menjadi rujukan kepada penyelidik pada masa hadapan unutk mengkaji isu pengangguran belia luar bandar dengan lebih terperinci. Penyelidikan lanjutan boleh memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang faktor, kesan dan strategi menangani pengangguran belia dengan memperluas skop kajian, sama ada dari aspek metodologi mahupun persampelan. Melalui perluasan skop tersebut, kajian pada masa hadapan berpotensi memberikan sumbangan yang lebih bermakna dalam pembentukan dasar dan program yang efektif serta berorientasikan keperluan sebenar komuniti sasar. Dalam usaha menangani isu pengangguran belia luar bandar, beberapa cadangan penambahbaikan boleh dilaksanakan dengan melibatkan peranan kerajaan melalui strategi jangka pendek dan jangka panjang.

UNCORRECTED PROOF

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Dr. Rahaya Md. Jamin atas segala bimbingan, kesabaran, dan sokongan yang diberikan secara berterusan sepanjang penyelidikan ini dijalankan. Penghargaan turut ditujukan kepada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah Negeri Kelantan (KKDW), Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan (PPPNK), pengurus GiatMARA, usahawan belia, ketua kampung, serta belia menganggur berumur antara 18 hingga 30 tahun di Gunong atas kerjasama dan perkongsian maklumat yang diberikan sepanjang proses pengumpulan data. Penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga turut ditujukan kepada kedua-dua ibu bapa, Saufe

Ab Kadir dan Azizah Che Ya serta ahli keluarga atas doa dan pengorbanan yang tidak berbelah bahagi. Tidak dilupakan juga rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa memberikan semangat, sokongan, serta berkongsi idea yang bernas sepanjang penyelidikan ini dilaksanakan.

Sumbangan Penulis

Nur Nabilah telah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pelaksanaan penyelidikan ini, termasuk perancangan metodologi, pengumpulan data melalui temu bual mendalam, analisis data, dan penulisan manuskrip. Dr. Rahaya Md. Jamin selaku penyelia memberikan bimbingan akademik, menyemak draf penulisan pada setiap peringkat, serta memberikan kelulusan akhir sebelum manuskrip dihantar.

Penyataan Konflik Kepentingan

Penulis menyatakan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan, sama ada dari segi kewangan mahupun peribadi yang mempengaruhi pelaksanaan dan hasil penyelidikan ini. Kajian ini dijalankan secara profesional dan bebas daripada pengaruh mana-mana pihak berkepentingan.

Rujukan

Abdrakhmanova, G., & Ashirbay, S. (2024). Government policy in the youth employment in modern Kazakhstan. *Qogam jane Dauir*, *1*(8), 1–15. https://doi.org/10.52536/2788-5860.2024-1.08

Abdul Shakur, E. S., Sa'at, N. H., Aziz, N., Abdullah, S. S., & Abd Rasid, N. H. (2020). Determining unemployment factors among job seeking youth in the East Coast of Peninsular Malaysia. *Journal of Asian Finance, Economics and Business*, *7*(12), 562–576. https://doi.org/10.13106/jafeb.2020.vol7.no12.565

Asli, W. M. F., & Rahman, S. (2023). Conceptualising resilience livelihood strategies of paddy farmers towards Malaysia national food security agenda. *Journal of the Malaysian Institute of Planners*, *21*(28), 467–480. https://doi.org/10.21837/pm.v21i28.1346

Ba, G. J., & Ruhizan, M. Y. (2022). Usaha meningkatkan kesedaran pelajar dan ibu bapa terhadap kebolehpasaran pekerjaan dalam bidang TVET. *Asian Scholars Network*, *4*(1), 536–537. https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.1.43

Bernama. (2023, May 21). *Kerjasama strategik kementerian, agensi berjaya kurangkan pengangguran*. Astro Awani. https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerjasama-strategik-kementerian-agensi-berjaya-kurangkan-pengangguran-sivakumar-420424

Buletin TV3. (2023, December 13). *Kementerian khusus percepat transformasi digital Malaysia*. https://www.buletintv3.my/detik-niaga/kementerian-khusus-percepat-transformasi-digital-malaysia/

Chelshi, T., & Pushpa, K. (2023). Young people in rural areas: Diverse, unfulfilled and employment challenges. *International Journal for Multidisciplinary Research (IJFMR)*, *5*(5), 1. https://www.ijfmr.com/research-paper.php?id=7113

Che-Yahya, N., Mohd Rosdi, N. E. A. S., Zaghlol, A. K., & Alyasa-Gan, S. S. (2024). Explaining youth unemployment in Malaysia: The auto-regressive distributive lag (ARDL) approach. *Advances in Social*

UNCORRECTED PROOF

Sciences Research Journal, *11*(2), 521–536. https://doi.org/10.14738/assrj.112.2.16429

Dadzie, C. E., Fumey, M., & Namara, S. (2020). *Youth employment programs in Ghana: Options for effective policy making and implementation*. World Bank Group. https://documents1.worldbank.org/curated/en/658821597419558922/pdf/Youth-Employment-Programs-in-Ghana-Options-for-Effective-Policy-Making-and-Implementation.pdf

Davydenko, A. S., & Tishkina, N. P. (2024). Human capital in conditions of low level of unemployment. *Ekonomika I Upravlenie: Problemy, Resheniya*, *6*(1), 15. https://doi.org/10.36871/ek.up.p.r.2024.06.01.015

Dopplet, R. (2019). Skill flows: A theory of human capital and unemployment. *Review of Economic Dynamics*, *31*, 84–122. https://doi.org/10.1016/j.red.2018.12.004

Francis, O. E., Chidi, P. O., Aleke, J. U., & Pius, E. E. (2024). Evaluating the relationship between drug abuse and unemployment in Abakaliki Metropolis of Ebonyi State, Nigeria. *IAA Journal of Arts and Humanities*, *11*(2), 1–7. https://doi.org/10.59298/2024/11.217.33.11

Gan, K. H., Teoh, K. B., Cheah, Z. B., Teh, W. X., & Tan, Q. Y. (2024). A study on unemployment rate of youth graduates student in Malaysia. *Journal of the Community Development in Asia*, *7*(2), 1–8. https://doi.org/10.32535/jcda.v7i2.2113

Gedikli, C., Miraglia, M., Bryn, M., Connolly, S., & Watson, D. (2022). The relationship between unemployment and wellbeing: An updated meta-analysis of longitudinal evidence. *European Journal of Work and Organizational Psychology*, *32*(1), 1–17. https://doi.org/10.1080/1359432X.2022.2106855

Haji Hatibu, S., & Ali Hanifah, H. (2021). Employability factors contributing to youth unemployment in the EAC countries data and policy analysis. *Asian Journal of Probability and Statistics*, *13*(1), 34. https://doi.org/10.9734/ajpas/2021/v13i130299

Iduseri, E. O., Abbas, I. I., & Izunobi, J. U. (2022). Role of sustainable development goals in combating youth unemployment: A case study of the Federal Capital Territory (FCT) Abuja, Nigeria. *Journal of Sustainable Development*, *15*(3), 123. https://doi.org/10.5539/jsd.v15n3p125

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023). *Kadar pengangguran 2023*. eStatistik. https://newss.statistics.gov.my/newss-portalx/ep/epProductFreeDownloadSearch.seam

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2024, April 8). *Kadar pengangguran Februari kekal 3.3%*. MalaysiaGazette. https://malaysiagazette.com/2024/kadar-pengangguran-februari-kekal-3-3/

Jasmi, K. A. (2012, March 29). Kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian kualitatif. https://www.researchgate.net/publication/293097747_Kesahan_dan_Kebolehpercayaan_dalam_Kajian_Kualitatif

Kantarova, N., Smokova, L., & Dykina, L. (2023). Problems of socio-psychological adaptation of the unemployed in quarantine conditions. *Psychology and Social Work*, (1), 55.

UNCORRECTED PROOF

https://doi.org/10.18524/2707-0409.2022.1-2.286665

Kementerian Ekonomi. (2024a). *Laporan Survei tenaga buruh Malaysia*. Jabatan Perangkaan Malaysia. https://storage.dosm.gov.my/labour/lfs_qtr_2024-q4.pdf

Kementerian Ekonomi. (2024b). *Poket stats negeri Kelantan 2024*. Jabatan Perangkaan Malaysia. https://cloud.stats.gov.my/index.php/s/803bN100Bh77Uu2#pdfviewer

Kurshiah, A., Siti Masayu Rosliah, A. R., Norhafiza, M. S., & Fatimah, H. (2023). Memperkasakan keusahawanan luar bandar melalui pendidikan ICT: Cabaran dan potensi di Kubang Pasu, Kedah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, *8*(3), 5–11. https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i3.2185

Li, Y. (2022). What attracts college students to start a business in rural areas? A qualitative comparative analysis from China. *Sustainability*, *14*(22), Article 15459. https://doi.org/10.3390/su142215459

Majlis Perbandaran Kota Bharu. (2020). *Rancangan kawasan khas Kubang Kerian*. PLAN Malaysia @ Kelantan. https://www.planmalaysia.gov.my/portalassets/ePublisiti/rkk-kubangkerian/07-Features%20article.pdf

Mbavefeter, H. J. (2023). Youth unemployment and national security: A study of Benue State 1999–2013. *African Journal of Social Sciences and Humanities Research*, *6*(2), 124. https://doi.org/10.52589/AJSSHR-BFVOMG7E

Merino, E. S., Vispo, C. M., & Sanguino, C. G. (2023). A cross-sectional study of suicidal ideation and behaviour, depression, anxiety and stress in a Spanish sample. Mental health in young people after the Covid-19 pandemic. *Mortality*, *29*(4), 6. https://doi.org/10.1080/13576275.2023.2203805

Mohamed Makhbul, Z. K., & Abd Latif, M. N. (2017). Mengurus modal insan dalam industri 4.0 ke arah kecemerlangan negara. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, *16*(6), 1–13. https://ejournal.ukm.my/ebangi/issue/view/1205

Mohammed Ojuolape, A., Mohd, S., & Olawale Benjamin, O. (2024). *Dataset of youth and middle-aged unemployment in households in Kwara State, Nigeria*. Elsevier Inc.

Mohd Salahuddin, N. F., Mahpar, N. S., & Ishak, M. F. (2023). The relationship between employability skill and job mismatch towards graduates' unemployment. *Information Management and Business Review*, *15*(3), 96–104. https://doi.org/10.22610/imbr.v15i3(I).3519

Muzamil, M. M., Muzamil, M. N., Ehhsan, M. B., & Jan, M. S. (2022). An evaluation of the reasons and results of young people unemployment in Pakistan 2022. *Journal of Social Responsibility, Tourism and Hospitality (JSRTH)*, *2*(5), 18. https://doi.org/10.55529/jsrth.25.17.30

Omar, N., & Abd. Rahim, D. A. (2020). Punca pengangguran dalam kalangan belia luar bandar di Sarawak. *Malaysia Journal Management System*, *45*. https://scholar.google.com/citations?view_op=view_citation&hl=en&user=d3aaausAAAAJ&citation_for_view=d3aaausAAAAJ:roLk4NBRz8UC

Omotosho, A. O. (2024). The contribution of Enactus Global Sustainability Initiative to youth empowerment and community development.

UNCORRECTED PROOF

International Journal of Sustainability in Higher Education, *25*(4), 869. https://doi.org/10.1108/IJSHE-05-2023-0208

Othman, F., Abdul Mutalib, R., & Manjamain, R. (2020). Perspektif mahasiswa terhadap faktor pengangguran siswazah di Malaysia. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020)*, 608–613. https:/document/781049708/059-ID166-Perspektif-Mahasiswa-Terhadap-Faktor-Pengangguran-Siswazah

Oumarau, D. I. (2019). An analysis on the effects of unemployment on rural youth in the Sahel: A case study of rural areas of Madaoua in the Region of Tahoua, Niger. *Journal of Humanities and Social Sciences Studies*, *1*(5), 140–152.

Pejabat Tanah dan Jajahan Bachok. (2018). *Latar belakang jajahan Bachok*. https://ptjb.kelantan.gov.my/index.php/en/profail/latar-belakang-jajahan

PLAN Malaysia @ Kelantan. (2022). *Rancangan fizikal zon persisiran pantai jilid 2 (Negeri Kelantan)*. Malaysian Institute of Planners (MIP).

Rahim, F. (2023, September 23). *Kurang kemudahan infrastruktur cabaran basmi kemiskinan - Prof Suhaiza Zailani*. Astro Awani. https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kurang-kemudahan-infrastruktur-cabaran-basmi-kemiskinan

Razali, H. (2023, May 7). *Pilih kerja faktor pengangguran di Kelantan tinggi*. Harian Metro. https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/5/pilih-kerja-faktor-pengangguran-di-kelantan-tinggi-metrotv

Salimova, G., Nigmatullina, G., Habirov, G., Ableeva, A., & Gusmanov, R. (2024). Employment and development levels in rural areas of the Russian Federation. *Regional Sustainability*, *5*(3), 1–3. https://doi.org/10.1016/j.regsus.2024.100164

Sarnon @ Kusenin, N., Ibrahim, F., Nen, S., Zakaria, E., Mohd Hoesni, S., Mohammad, M. S., Subhi, N., & Alavi, K. (2019). Di sebalik penglibatan jenayah jalanan: Meneroka faktor dorongan melalui pengalaman banduan. *Jurnal Psikologi Keselamatan*, *1*, 146–164. https://psikom.moha.gov.my/journal/img/pdf/DI%20SEBALIK%20PENGLIBATAN%20JENAYAH%20JALANAN.pdf

Shahril, R. N., Shahiri, H., Mansur, M., & Mokhtar, A. (2023). Kesan ketakpadanan pendidikan-pekerjaan ke atas guna tenaga sektor awam. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, *57*(1), 21–32. https://doi.org/10.17576/JEM-2023-5701-03

Sijabat, R. (2022). Examining the impact of economic growth, poverty and unemployment on inflation in Indonesia (2000-2019): Evidence from error correction model. *Jurnal Studi Pemerintahan*, *13*(1), 26–29. https://doi.org/10.18196/jgp.v13i1.12297

Soliev, M. B., & Mamadiyorov, M. U. (2024). Impact of IT and English courses on youth unemployment in Bulungur District, Samarkand. *American Journal of Economics and Business Management*, *7*(8), 499–503.

Souza, H. C. d., Pasqualli, R., Lopes Cardoso, L. M., & Cardoso, L. M. C. (2024). Youth, work and school in the rural space. *Multidisciplinary Journal*, *11*(1), 1–10. https://doi.org/10.37951/2358-260X.2024v11i1.7003

UNCORRECTED PROOF

Supramaniam, H., & Hassan, M. S. (2021). Analysis of factors that contribute to unemployment among graduates at Kluang, Malaysia. *Advances in Social Sciences Research Journal*, *8*(8), 335–341. https://doi.org/10.14738/assrj.88.10659

Tolesa, S., & Zeleke, G. (2024). Analysis of factors affecting unemployment: A systematic literature review of evidence from Ethiopia. *Trends in Agricultural Sciences*, *3*(2), 91–99. https://doi.org/10.17311/tas.2024.91.99

Umanah, U. N., Udom, C. A., & Badey, D. (2022). Youth unemployment and violent crime in the Niger Delta region: Policy implications and prospects for sustainable development. *International Journal of Social Sciences and Management Research*, *7*(2), 68. https://doi.org/10.56201/ijssmr.v9.no2.2023.pg68.79

Undale, P. S. (2021). Enhancing rural youths' employability with skill development. *Towards Excellence*, *13*(2). https://doi.org/10.37867/te130256

Utusan Borneo Online. (2022). *Belia aset penting negara, harus diberi perhatian sewajarnya: Abdul Karim*. https://www.utusanborneo.com.my/2022/08/28/belia-aset-penting-negara-harus-diberi-perhatian-sewajarnya-abdul-karim

Virgolino, A., Costa, J., Santos, O., & Pereira, M. E. (2022). Lost in transition: A systematic review of the association between unemployment and mental health. *Journal of Mental Health*, *31*(3), 432–435. https://doi.org/10.1080/09638237.2021.2022615

Yirenkyi, E. G., Debrah, G., Adanu, K., & Atitsogbui, E. (2023). Education, skills, and duration of unemployment in Ghana. *Cogent Economics & Finance*, *11*(2), Article 2258680. https://doi.org/10.1080/23322039.2023.2258680

Zhang, Z., Xia, Y., & Abula, K. (2023). How digital skills affect rural labor employment choices? Evidence from rural China. *Sustainability*, *1*. https://doi.org/10.3390/su15076050

UNCORRECTED PROOF